

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA
JAYA]**

NO. SOALAN : 176

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:-

(a) bilangan kampung Orang Asli di Malaysia yang tidak mempunyai kemudahan bekalan air paip dan bekalan elektrik tanpa gangguan; dan

(b) bagaimanakah peruntukan Program Lonjakan Kesejahteraan Hidup Orang Asli dibelanjakan untuk tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat daripada 853 buah perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, sebanyak 160 buah perkampungan Orang Asli yang tidak mempunyai bekalan air paip. Manakala sebanyak 167 buah perkampungan Orang Asli yang masih belum menerima kemudahan bekalan elektrik.

(b) Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat Orang Asli (JAKOA) telah membelanjakan peruntukan Program Lonjakan Kesejahteraan Hidup Orang Asli sebanyak RM 20.0 Juta pada tahun 2015 dan RM 16.0 Juta pada tahun 2016 menerusi aktiviti / perkara seperti di bawah :

- (i) pembiayaan insentif kos pengangkutan murid Orang Asli bagi memastikan kehadiran

mengikuti pengajaran dan pembelajaran bagi aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum sekolah.

- (ii) Pemberian insentif wang saku kepada murid sekolah Orang Asli Sekolah Menengah bertujuan meningkatkan kadar kehadiran ke sekolah.
- (iii) peruntukan bantuan insentif Input Pertanian kepada Orang Asli bagi membantu masyarakat Orang Asli dalam meningkatkan kualiti hidup dan pendapatan sosioekonomi keluarga dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan.
- (iv) Pelaksanaan Program Kebajikan Bantuan Makanan (Bencana Alam) kepada masyarakat Orang Asli bagi membantu di kalangan keluarga Orang Asli yang terlibat dengan musibah bencana alam seperti banjir, gempa bumi dan seumpamanya.